

## PENDIDIKAN PENDALANGAN DI DALAM WAYANG KULIT KELANTAN

**Jamaludin Osman**  
*Universiti Sains Malaysia*

Terdapat beberapa komponen yang akan dibincangkan merujuk kepada sistem pendidikan pendalangan. Komponen ini mempengaruhi antara satu dengan yang lain untuk mewujudkan mutu sistem pendidikan itu sendiri. Hal ini penting kerana sistem pendidikan dalang merupakan sistem yang disampaikan secara lisan. Kekuatan daya ingat, kefahaman, kebijaksanaan dan kesabaran antara guru dan murid diberi keutamaan semasa melaksanakan proses pendidikan tersebut. Di dalam proses pendidikan pendalangan, gabungan latihan secara formal dan tidak formal adalah penting. Hal ini menunjukkan kedua-dua sistem ini boleh diterima-pakai dan saling berkait bertujuan untuk melahirkan dalang yang berkebolehan. Walau bagaimanapun, seorang yang ingin diiktiraf sebagai *dalang asli* perlu melalui semua peringkat latihan formal.

Komponen-komponen yang terdapat dalam sistem latihan pendalangan itu sendiri menunjukkan tradisi pendalangan bukanlah perkara yang remeh. Oleh itu satu format (aturan) telah diwujudkan supaya sistem pendidikan tersebut berfungsi menghasilkan pelajar yang berkebolehan. Format pendidikan ini dikehendaki kepada dalang-dalang yang telah diiktiraf dan kepada calon dalang yang belajar secara formal. Komponen-komponen yang terdapat dalam sistem ini berasaskan perantisan dan latih-pandang. Format ini diwujudkan bertujuan, untuk membimbing bakal-bakal dalang, mengklasifikasikan peringkat penggelaran dalang dan mempertingkatkan mutu pendalangan. Maklumat dalam artikel ini berdasarkan temuramah dengan tujuh tokoh wayang kulit iaitu Ariffin Ahmad, Che Mat Jusoh, Dollah Baju Merah, Hamzah Awang Amat, Hassan Omar, Jufri Yousof dan Pak Da Omar.

### SISTEM PENDIDIKAN PENDALANGAN

Sistem pendidikan formal untuk calon dalang dibahagi kepada tiga tahap yang mengandungi tahap asas, lanjutan dan *perlimau*. Namun terdapat juga sistem pendidikan tidak formal melibatkan *dalang tiru*. Proses pendidikan tidak formal ini melibatkan *dalang tiru* yang meniru persembahan *dalang asli* melalui penglibatan dengan kumpulan wayang kulit tetapi masih tidak mahu berguru. *Dalang tiru* yang telah lama bergiat hanya perlu masuk pengajian peringkat *perlimau*, untuk memenuhi syarat sebagai *dalang asli*.

Proses pendidikan formal pula melibatkan calon dalang yang tidak mempunyai asas mendalang. Proses itu bermula di tahap awal iaitu pendedahan diperingkat awal dan kebiasaannya bakal-bakal dalang akan mengalami proses pendidikan secara latih-pandang semasa usia lingkungan lapan hingga dua belas tahun. Tahap ini merupakan tahap sebelum bakal dalang memasuki sistem pendidikan dalang di peringkat asas. Tahap kedua ialah tahap di mana kanak-kanak yang telah menerima pendedahan itu betul-betul berminat dan mula berguru di peringkat asas yang diistilahkan sebagai tahap asas pendalangan.

Proses pendidikan peringkat ketiga ialah tahap lanjutan dan di peringkat ini biasanya dalang akan berguru lebih dari seorang guru sebelum melalui *proses perlimau*. Tahap keempat, ialah tahap *perlimau* yang melibatkan proses latihan hanya diperuntukan untuk seorang dalang sahaja yang bersedia untuk upacara *perlimau*. *Upacara perlimau* ialah upacara pengijazahan untuk mengiktiraf seseorang dalang menjadi *dalang asli*. Pengakhiran proses pendidikan tahap keempat dilakukan melalui proses ritual dan diadakan persembahan *Wayang Kulit Berjamu*. Tujuannya untuk mengucapkan terima kasih kepada guru melalui *sembah guru*.

Tahap terakhir ialah tahap profesional, iaitu tahap selepas murid tersebut digelar *dalang asli*. Walaupun tahap ini dianggap sebagai tahap bukan pendidikan formal tetapi tahap ini lebih mementingkan jalinan hubungan antara murid dengan guru selepas murid tersebut bergelar *dalang asli*. Hal ini berdasarkan kepada perjanjian memegang amanah murid yang menerima ilmu daripada guru. Sebelum saya mengkaji tahap-tahap dalam proses pendidikan, saya ingin menjelaskan piawaian *aturan dalang* yang memastikan jalinan hubungan baik antara guru dan murid.

### **FUNGSI ATURAN DALANG**

Guru-guru akan sentiasa mengawasi keperibadian anak muridnya supaya anak murid tersebut tidak melanggar pantang larang yang telah diamanahkan oleh gurunya. Tujuannya supaya anak murid tidak menimbulkan masalah pada gurunya dan anak murid tersebut diterima oleh masyarakat dari sudut keperibadiannya. Ini membuktikan bahawa jalinan antara guru dengan murid di dalam proses pendidikan dalang amat penting. Jalinan ini diistilahkan sebagai hubungan guru dan murid.

Proses pendidikan pendalangan 'dikawal' oleh piawaian yang dikenali sebagai *aturan dalang* (Jusoh Morak, 1998). Format tersebut tidak tertulis dan tidak diwartakan kepada umum hanya dikhaskan kepada dalang dan bakal-bakal

dalang. Format tersebut dipraktikkan sebelum, semasa dan selepas proses pendidikan pendalangan. Kesemua aturan tersebut menghubungkan jalinan antara guru dan murid.

Fungsi *aturan dalang* utama ialah untuk mewujudkan tanggungjawab antara guru dan murid. Setelah proses penerimaan seseorang calon dalang untuk menjadi anak murid kepada guru, guru akan mencorakkan anak murid supaya menjadi dalang yang bertanggung jawab kepada masyarakat dan mempraktik aturan tradisi pendalangan itu sendiri. Hal ini terjadi kerana wujudnya perjanjian antara guru dan murid untuk menjalankan amanah sebagai pengajar dan pelajar. Murid harus belajar ilmu pendalangan di samping menjaga maruah guru di dalam masyarakat. Guru juga harus menjalankan amanah dalam menyampaikan ilmu supaya anak murid akan diterima oleh masyarakat. Keberkesanan pengajaran yang disampaikan oleh guru kepada murid akan dinilai oleh penonton. Penonton akan menganggap sekiranya murid gagal menghasilkan mutu persembahan baik bererti guru gagal menyampaikan ilmu.

Andainya seseorang dalang tidak berguru, tidak ada guru yang akan bertanggungjawab terhadap dirinya. Hal ini mengkehendaki calon dalang untuk berguru, “kerana orang yang tidak berguru sama seperti anak lahir tidak berbapa atau dipanggil anak haram” (Dollah Baju Merah, 1998, Hamzah Awang Amat, 1998). Ungkapan ini selalu diucapkan oleh guru ketika mengajar anak murid mereka. Walaupun ungkapan tersebut agak ‘kasar’ tetapi bertujuan untuk mengingatkan anak murid tentang kepentingan hubungan guru dan murid. Hubungan seperti anak dan ayah ini berkekalan sehingga salah seorang daripada mereka meninggal dunia.

*Aturan dalang* juga dilaksanakan supaya tradisi permainan wayang kulit dapat dikekalkan, dipelihara dan diperturunkan dari generasi ke generasi. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, sistem pendidikan dalang adalah bersifat lisan dan ini melibatkan proses penghafalan, penumpuan, pengalaman dan kemahiran. Tanpa elemen-elemen ini, sistem pendidikan dan perkembangan serta pemuliharaan tidak dapat dikekalkan. Dalang perlu menyebatkan dirinya dengan peraturan tersebut. Kegagalan merealisasikan perkara ini menyebabkan kesemua sistem yang telah diaturkan tidak akan berkesan.

Hasil dari keberkesanan sistem ini telah mewujudkan satu kesamaan di dalam persembahan, bersendikan falsafah dan perlaksanaan yang selari dengan sistem itu sendiri. Seringkali bila penonton menyaksikan persembahan, cerita, muzik, cara *pelari patung*, ucap yang disampaikan antara dalang dengan yang lain menghasilkan gaya persembahan yang seragam. Walaupun tidak dinafikan

terdapat sedikit perbezaan dari sudut ragam dan gaya persembahan tetapi perkara asas di dalam persembahan tidak berubah.

*Aturan dalang* juga penting sebagai kayu ukur untuk menentukan tahap pencapaian anak murid dan guru semasa menerima dan menyampaikan ilmu. Sekiranya wujud kelemahan semasa melaksanakan sistem pembelajaran maka aturan ini bertujuan untuk mengatasi kelemahan tersebut. Faktor yang diambil kira ialah tentang teknik semasa guru dan murid menyampai dan menerima ilmu. Oleh itu kebijaksanaan, kesabaran, disiplin dan tanggungjawab kedua-dua belah pihak perlu dipraktik. Tidak dapat dinafikan kemungkinan guru akan cemburu dengan pencapaian, bakat dan kebolehan murid merealisasikan ilmu yang diperolehi. Hal ini memungkinkan jika ilmu yang disampaikan tidak mencapai tahap yang dikehendaki akan merugikan nilai ilmu itu sendiri.

Kebolehan seseorang guru mungkin tidak sama dengan guru yang lain. Sekiranya hal ini berlaku murid berhak untuk mencari guru lain, tetapi etikanya harus betul. Etika tersebut mengkehendaki murid mesti mengekalkan hubungan peribadi dengan gurunya, menjaga maruah guru dan tidak menentang guru secara terang-terangan.

Penilaian terhadap proses pembelajaran tersebut berdasarkan piawai yang cukup ketat akan menghasilkan dalang, *panjak*, *pembari* (penglipurlara) dan bomoh yang berkebolehan. Terbukti bahawa sistem ini mampu mewujudkan kelompok-kelompok yang disebutkan hanya melalui satu sistem pendidikan.

Akhirnya, *aturan dalang* melindungi hak-hak dan keistimewaan guru yang bertujuan menerapkan disiplin kepada pelajar. Seorang guru mempunyai 'kuasa mutlak' untuk menyampaikan ilmu. Murid pula tidak berhak untuk melawan perintah guru dan mesti menerima apa yang diberikan guru tanpa soal. Hal ini menunjukkan seolah-olah terdapat pencanggahan di dalam sistem tersebut jika dibandingkan dengan kenyataan yang disebut di atas. Aturan ini sebenarnya bertujuan untuk mewujudkan etika yang murni di kalangan murid supaya menghormati sistem pendidikan tersebut. Mewujudkan disiplin yang 'ketat' mengkehendaki keberkesanan sistem ini dapat dikekalkan. Menghormati guru adalah penting sebagai satu susila budaya itu sendiri, sebab itu aturan untuk melaksanakan *upacara sembah guru* diperkenalkan sebagai syarat aturan di dalam wayang kulit bertujuan untuk menghormati susila budaya tersebut. Murid harus terima ajaran guru secara ikhlas dan kalau murid menentang gurunya, murid tersebut akan dipecat atau berhenti belajar dengan sendirinya.

## KOMPONEN ATURAN DALANG

Terdapat tujuh komponen di dalam *aturan dalang* yang dilaksanakan semasa murid menjalani proses pembelajaran. Ada setengah dalang mengistilahkan sebagai *aturan panjak tujuh pengantin lima* atau *aturan panjak dua belas*. Ia menghubungkan tujuh *aturan dalang* bersendikan lima rukun yang terdapat di dalam *Rukun Islam* (Jusoh Morak, 1998 dan Pak Omar, 1998). Di samping itu istilah *panjak tujuh pengantin lima* dan *panjak dua belas* merujuk kepada jumlah alat muzik (tujuh jenis) yang dimainkan oleh sembilan orang *panjak* (*panjak sembilan*), dua orang pembantu dalang dan seorang dalang.

Tujuh komponen *Aturan Dalang* adalah seperti berikut:-

- [i] *aturan berguru*, yang merujuk kepada permulaan bakal dalang tersebut diserahkan oleh orang tuanya atau wakil untuk berguru. Dalam proses penyerahan kedua-dua pihak memeterai perjanjian sebagai guru dan murid sehinggalah tamat pengajian. Tamat pengajian bermaksud; sama ada murid itu belajar separuh jalan atau tamat satu peringkat pengajian atau berpindah ke tahap lain sehingga ke proses *perlimau* atau berpindah ke guru yang lain. Syarat-syarat utama *aturan berguru* ini ialah murid akan menerima apa saja perintah gurunya sama ada semasa di dalam kelas ataupun di luar kelas tanpa bantahan. Upacara penyerahan murid kepada gurunya melibatkan *upacara buka panggung baru* dan penyerahan *nasi semangat* iaitu hidangan pulut kuning yang dikhaskan untuk guru.

Semasa belajar, murid tidak membayar upah kepada gurunya. Oleh itu, untuk menjalinkan hubungan baik antara guru dan murid, biasanya murid akan menghulurkan sedikit perbelanjaan kepada guru mengikut kemampuan. Seandainya murid tersebut tidak mempunyai kemampuan untuk memberikan sedikit perbelanjaan, beliau akan menolong kerja-kerja gurunya tanpa sebarang upah. Setiap arahan guru dianggap sebahagian daripada proses pendidikan. Murid harus mengenang jasa guru. Jika wujud pertelingkahan peribadi dengan guru, murid tidak boleh melawan guru secara terbuka. Murid juga ditegah untuk memperkatakan tentang hal-hal pengajaran dan peribadi gurunya kepada umum. Murid mestilah menunjukkan keperibadian yang baik untuk menjaga nama guru. Guru akan bertanggungjawab penuh terhadap anak murid, terutama anak murid yang telah *diperlimaukan* di bawah penyeliaan guru tersebut.

penyediaan peralatan ritual dan perlaksanaannya. Hal ini penting kerana terdapat dua jenis persembahan di dalam Wayang Kulit Kelantan iaitu persembahan biasa dan persembahan *Wayang Kulit Berjamu* yang dibezakan melalui fungsi persembahan tersebut. Aturan ini bertujuan untuk memastikan perkara-perkara yang terlibat di dalam persembahan dilakukan mengikut kesesuaian.

- [vi] *aturan tahap pendidikan dan penggelaran dalang* yang merujuk kepada klasifikasi penggelaran dalang. Seseorang calon dalang atau yang telah bergelar dalang harus mematuhi aturan ini bagi memastikan tradisi permainan wayang kulit dapat dipertahankan. Aturan ini perlu untuk mengawal hak-hak mengadakan persembahan dan untuk memastikan individu yang terlibat di dalam persembahan wayang kulit benar-benar berkualiti dan memberi kepuasan kepada penonton. Selain dari itu, memberi peluang kepada calon dalang atau dalang untuk menuntut ilmu-ilmu lain seperti ilmu perbomohan dan ilmu yang bersangkutan paut dengan persembahan teater tradisi yang lain.

Hal ini menyebabkan ramai di antara dalang boleh bermain Mak Yong, Menora, Bageh, Dikir Barat dan Main Puteri malahan dalang-dalang tersebut boleh bermain alat-alat muzik tradisi. Dalang-dalang yang telah mahir juga bertindak sebagai bomoh biasa ataupun *bomoh puteri* (Main Puteri).

Aturan tersebut memerlukan dalang yang sudah diiktiraf sahaja yang layak mengadakan persembahan di khalayak dan berkeupayaan untuk melaksanakan hal-hal bersangkutan paut dengan proses ritual. Walau bagaimanapun, dalang-dalang yang belum mencapai taraf *dalang asli* masih boleh mengadakan persembahan di bawah kawalselia *dalang asli*. Bagi *dalang asli* yang baru sahaja diperlimau, sudah dianggap boleh berdikari dan boleh memperturunkan ilmu pendalangan, tetapi dalang tersebut masih di bawah penyeliaan gurunya. Sebagai contoh, ada di antara dalang-dalang yang baru diiktiraf menggunakan khidmat dalang lain untuk melaksanakan upacara ritual semasa dalang tersebut mengadakan persembahan. Ini bermakna aturan ini menitikberatkan profesionalisme pendalangan.

- [vii] *aturan sumpah menyimpan rahsia dan aturan susila*, bertujuan untuk melindungi rahsia pendalangan supaya tidak diketahui umum dan tidak disalahgunakan. Walaupun sebahagian aturan menyimpan rahsia termaktub di dalam *aturan berguru* dan *aturan bermain*, tetapi aturan

penyediaan peralatan ritual dan perlaksanaannya. Hal ini penting kerana terdapat dua jenis persembahan di dalam Wayang Kulit Kelantan iaitu persembahan biasa dan persembahan *Wayang Kulit Berjamu* yang dibezakan melalui fungsi persembahan tersebut. Aturan ini bertujuan untuk memastikan perkara-perkara yang terlibat di dalam persembahan dilakukan mengikut kesesuaian.

- [vi] *aturan tahap pendidikan dan penggelaran dalang* yang merujuk kepada klasifikasi penggelaran dalang. Seseorang calon dalang atau yang telah bergelar dalang harus mematuhi aturan ini bagi memastikan tradisi permainan wayang kulit dapat dipertahankan. Aturan ini perlu untuk mengawal hak-hak mengadakan persembahan dan untuk memastikan individu yang terlibat di dalam persembahan wayang kulit benar-benar berkualiti dan memberi kepuasan kepada penonton. Selain dari itu, memberi peluang kepada calon dalang atau dalang untuk menuntut ilmu-ilmu lain seperti ilmu perbomohan dan ilmu yang bersangkutan paut dengan persembahan teater tradisi yang lain.

Hal ini menyebabkan ramai di antara dalang boleh bermain Mak Yong, Menora, Bageh, Dikir Barat dan Main Puteri malahan dalang-dalang tersebut boleh bermain alat-alat muzik tradisi. Dalang-dalang yang telah mahir juga bertindak sebagai bomoh biasa ataupun *bomoh puteri* (Main Puteri).

Aturan tersebut memerlukan dalang yang sudah diiktiraf sahaja yang layak mengadakan persembahan di khalayak dan berkeupayaan untuk melaksanakan hal-hal bersangkutan paut dengan proses ritual. Walau bagaimanapun, dalang-dalang yang belum mencapai taraf *dalang asli* masih boleh mengadakan persembahan di bawah kawalselia *dalang asli*. Bagi *dalang asli* yang baru sahaja diperlimau, sudah dianggap boleh berdikari dan boleh memperturunkan ilmu pendalangan, tetapi dalang tersebut masih di bawah penyeliaan gurunya. Sebagai contoh, ada di antara dalang-dalang yang baru diiktiraf menggunakan khidmat dalang lain untuk melaksanakan upacara ritual semasa dalang tersebut mengadakan persembahan. Ini bermakna aturan ini menitikberatkan profesionalisme pendalangan.

- [vii] *aturan sumpah menyimpan rahsia dan aturan susila*, bertujuan untuk melindungi rahsia pendalangan supaya tidak diketahui umum dan tidak disalahgunakan. Walaupun sebahagian aturan menyimpan rahsia termaktub di dalam *aturan berguru* dan *aturan bermain*, tetapi aturan

yang dibincangkan ini lebih merujuk kepada aturan di dalam *proses masuk bangsal untuk perlimau*. Hal ini penting kerana di dalam *proses masuk bangsal untuk perlimau* ini, bentuk pengajarannya lebih bersifat penyampaian rahsia pendalangan antara seorang guru dan seorang murid. Perkara-perkara yang melibatkan proses ritual, menjampi dan aturan membaca mantera, ilmu perbomohan dan ilmu batin diajar di sini. Rahsia perjanjian antara guru dan murid dengan apa yang diajarkan oleh gurunya tidak boleh diketahui oleh orang lain. Murid tidak dibenarkan memberitahu, membocor dan mengajarkan apa yang telah diberikan oleh gurunya kepada orang lain, kecuali murid tersebut sudah bertaraf guru.

*Aturan susila* pula merupakan aturan yang merujuk kepada keperibadian dalang. Moral menjadi asas penting di dalam kehidupan dalang. Kepopularan dalang memungkinkan seseorang dalang lupa diri dan melakukan perkara-perkara seperti melanggar pantang larang, undang-undang serta adat.

### **MASUK BANGSAL**

Sebelum bermula tahap pendidikan asas, calon dalang perlu menyediakan bangsal atau tempat latihan sendiri. Proses ini dipanggil *masuk bangsal*. Segala aturan dan pantang larang harus dipatuhi ketika calon dalang mendirikan bangsal. Pemilihan tempat, arah panggung, upacara ritual yang terlibat seperti kenduri dan buka panggung serta pantang larang yang berkaitan dipatuhi.

Aturan menyediakan bangsal sama seperti aturan persiapan penyediaan bangsal untuk persembahan wayang kulit. Proses masuk bangsal mengambil masa seratus hari untuk satu pakej pendidikan dan boleh diulang-ulang beberapa kali dalam satu tahap serta bergantung pada masa yang sesuai. Pakej pendidikan selama seratus hari itu tidak menyamai sistem persekolahan biasa atau sekolah pondok yang bersifat berterusan sepanjang tahun.

*Masuk bangsal* merupakan latihan formal supaya pelajar faham dan mahir mengenai kaedah pendalangan. Ia juga menentukan sejauh mana murid telah mencapai tahap pencapaian, kefahaman dan kebolehan yang ada pada murid. Sebagai contoh, ada setengah murid hanya mengalami sekali sahaja masuk ke bangsal kerana sudah pandai mendalang. Ada di antaranya memilih beberapa kali masuk bangsal kerana belum puas berguru.



'kuda-kuda' untuk seimbangkan posisi letak tubuh dalang agar berkeadaan kukuh dan mudah mengawal penggerakan. Cara duduk yang terbaik ialah bahagian paras pinggang hingga ke bahagian kepala harus berkedudukan tegak 90 darjah. Posisi ini membantu dalang untuk menghadapi sebarang 'kemungkinan' semasa melayang patung.

- b) Bahagian paras pinggang hingga ke bahagian tangan dan kepala adalah bahagian tubuh badan dalang yang akan digerakkan.
- c) Jarak antara tubuh dalang dengan kawasan kelir sejauh satu meter. Manakala jarak antara tubuh dalang dengan lampu sejauh satu setengah meter. Namun perubahan jarak bergantung kepada penggerakan dalang.
- d) Kayu pelapik diletakkan di sebelah paha kiri dalang sementara tangan kanan dalang akan di 'tongkatkan' ke lantai supaya tenaga dapat dialirkan ke bahagian paha kiri dalang sewaktu menghentak kayu pelapik.
- e) Latihan yang bersangkutan paut dengan posisi letak tubuh dalang sewaktu duduk juga merangkumi latihan yang akan membantu kekuatan bahu, lengan dan pergelangan tangan. Bagi mengekalkan stamina yang melibatkan bahagian-bahagian anggota tubuh badan tersebut, guru akan mengajar satu persatu. Murid dikehendaki memegang patung-patung yang bersaiz besar dan melayangkan ke kelir sehingga murid tersebut berasa penat. Semasa sesi latihan, seseorang murid dikehendaki melayang patung dengan pantas, sederhana dan perlahan. Sesi latihan dibuat berulang-ulang kali sehingga murid-murid 'terbiasa' dengan latihan tersebut. Bagi mengelakkan kecederaan, guru akan menasihatkan murid supaya memegang patung dengan betul supaya tidak mencederakan bahagian sendi-sendi seperti pergelangan tangan, bahu dan lengan. Secara langsung, latihan-latihan tersebut membantu murid untuk memahami selok belok penggerakan patung.

2. Teknik kedua ialah teknik memegang patung. Perkara-perkara yang diambil kira ialah mengenai saiz patung, penggerakan patung berdasarkan status watak, kedudukan patung pada batang pisang dan pantang larang yang telah ditetapkan.

Jadual *masuk bangsal* memfokuskan pembelajaran teori dan praktik yang diselaraskan dengan jangka waktu latihan. Jangka masa pembelajaran dilakukan pada tiap-tiap malam kecuali hari Jumaat dan hari-hari perayaan orang Islam. Kelas tidak boleh diadakan pada bulan Ramadan dan pakej pembelajaran mesti dianjurkan supaya tidak bermula dan berakhir pada bulan tersebut. Kelas tidak akan diadakan di musim tengkujuh antara bulan November hingga Februari untuk mengelakkan jadual latihan tergendala. Masa yang paling sesuai ialah antara bulan Mac hingga Oktober.

Waktu pendidikan bermula selepas waktu isyak sehingga sebelum subuh, bergantung kepada kemampuan murid. Biasanya guru hanya berada di bangsal latihan antara dua hingga tiga jam sahaja. Selebihnya pelajar akan berlatih sendiri. Latihan antara pelajar boleh dilakukan pada siang hari.

Semasa masuk bangsal murid tidak dibenarkan mengadakan persembahan. Dia tidak boleh meninggalkan bangsal jauh-jauh kecuali ada hal-hal kecemasan. Sekiranya murid tidak berlatih selama *dua Jumaat* (dua minggu) secara berturut-turut, dengan sendirinya murid tersebut tidak dibenarkan belajar ataupun masa pembelajaran akan diganjakkan untuk mencukupkan jumlah seratus hari. Cuti pada hari Jumaat dan hari-hari perayaan umat Islam dikira dalam jumlah seratus hari tersebut. Hal ini bertujuan untuk menghormati *Penghulu Hari* (hari Jumaat) dan hari-hari perayaan tersebut.

Kaedah pendidikan yang dilaksanakan bersifat lisan dan menitikberatkan praktikal. Kaedah secara lisan digunakan oleh guru kerana tidak ada bahan-bahan bertulis yang disediakan di dalam sistem pendidikan jenis ini. Pembelajaran yang diterima oleh guru sebelum ini bersifat lisan kerana kebanyakan daripada mereka *buta huruf*. Oleh kerana kaedah mengajar berbentuk lisan, guru akan menitikberatkan teknik-teknik mendalang. Ini menyebabkan dalang terpaksa menggunakan sepenuh tumpuan melalui kekuatan daya ingatan supaya ilmu yang dipelajari dapat dipraktik.

## SUKATAN PELAJARAN PERINGKAT ASAS

Pengajian selama seratus hari dipecahkan kepada tiga peringkat dan setiap peringkat mengambil masa selama sebulan. Bulan pertama lebih mementingkan aturan asas bermain yang mengandungi:

1. Teknik posisi letak tubuh dalang ketika duduk.
  - a) Dalang dikehendaki duduk bersila. Bahagian tubuh dalang dari paras pinggang hingga ke bahagian kaki akan berfungsi sebagai

Teknik memegang patung berdasarkan kepada:

- (i) Saiz patung
  - a. Memegang patung bersaiz besar
  - b. Memegang patung bersaiz sederhana besar
  - c. Memegang patung bersaiz kecil
  - d. Memegang patung watak-watak binatang
  - e. Memegang peralatan yang digunakan seperti jenis-jenis senjata.
  - f. Memegang sejumlah patung yang berbeza saiznya.
- (ii) Tubuh patung
  - a. Teknik memegang cempurik patung.
  - b. Teknik memegang penuding patung.
  - c. Teknik memegang kemudi patung.

3. Teknik ketiga ialah asas melayang patung di kelir yang melibatkan teknik keluar masuk patung ke kelir iaitu teknik penggerakan transisi, peperangan, mengenal kawasan lakon dan latar tempat. Arah masuk patung ke kelir dibahagi kepada *pecahan lapan mata angin*. Tiap-tiap patung yang masuk kelir akan keluar ke arah lain atau ke arah patung masuk. Penggerakan patung akan bermula di tepi, kemudian ke tengah kelir dan keluar ke bahagian tepi kelir. Penggerakannya ialah:

- (i) Penggerakan transisi
  - a. Patung masuk ke kelir dan keluar ke arah berlainan menandakan penggerakan watak-watak ke lokasi lain.
  - b. Patung masuk ke kelir dan keluar ke arah yang sama menandakan watak berada di tempat yang sama.
  - c. Patung masuk dari arah atas kelir menandakan patung turun ke bumi.
  - d. Patung bergerak ke bahagian atas kelir menandakan penggerakan ke kayangan.
  - e. Patung turun ke bawah kelir menandakan penggerakkan ke bawah bumi atau dasar laut.
- (ii) Teknik berjalan
  - a. Berjalan biasa
  - b. Berjalan dengan gaya lucu.
  - c. Berjalan sambil menyanyi.
  - d. Gaya berjalan watak-watak halus, kasar dan watak-watak orang pertapaan (Maharisi).

- e. Berlari untuk penggerakan peperangan.
  - f. Teknik melompat dan terbang.
- (iii) Aksi-aksi peperangan
- a. Penggerakan mesti pantas dan bertenaga.
  - b. Pertempuran jarak dekat.
  - c. Pertempuran jarak jauh.
- (iv) Penggerakan khas iaitu aksi-aksi yang berlaku di balai penghadapan raja
- a. Susun atur lokasi watak-watak berdasarkan status.
  - b. Mendatangkan sembah.
  - c. Angkat tabik.
  - d. Berjabat tangan.
  - e. Menerima perintah atau watakah daripada raja.
4. Teknik yang keempat pula ialah teknik menghasilkan bayang di kelir. Perkara-perkara asas yang diajar ialah:
- a. Jarak antara patung dengan lampu. Teknik ini akan menentukan imej bayang yang akan dihasilkan di kelir. Guru akan mengajar murid teknik menghasilkan *bayang terang* atau *kabur* (Dollah Baju Merah, 1998). Teknik *terang* atau *kabur* ini menyamai istilah, *close-up*, *medium close-up*, *full-shot*, bergantung kepada jumlah patung yang berada di kelir. Imej *dissolve* (imej kabur), *in focus* (imej terang), *out of focus* (imej kabur), *super impose* (gabungan imej terang dan kabur).
  - b. Arah keluar masuk patung di kelir. Guru akan mengajar murid mengenal pasti jarak antara patung dan lampu, bergantung kepada arah keluar dan masuk patung di kelir.
  - c. Cara patung dilayangkan. Teknik melayangkan patung juga akan menentukan bayang yang dihasilkan.
  - d. Cara mencondongkan patung. Teknik ini akan menentukan juga imej *terang* atau *kabur*.
  - e. *Tempo* penggerakan patung. Ini bergantung kepada penggerakan yang mengikut tempo cepat atau tempo perlahan.

Latihan pada bulan pertama lebih menumpukan kepada penggerakan patung wayang kulit. Di peringkat ini latihan episod Dalang Muda bahagian pertama menjadi tumpuan utama. Selanjutnya guru akan mengajar murid cara-cara menyimpan patung. Ini berdasarkan kepercayaan bahawa tiap-tiap patung wayang kulit harus dihormati; terutama patung-patung yang mempunyai kuasa mistik. Contohnya, patung Pak Dogol tidak boleh diletak di tempat yang agak rendah. Patung tersebut juga tidak boleh dilangkah (Pak Da Omar, 1998).

Susun atur patung mesti mengikut kaedah penyusunan untuk memudahkan dalang dan pembantunya mengendalikan patung semasa persembahan. Tujuan lain ialah supaya patung tidak mudah rosak. Ketika melayang patung, dalang akan menunjuk ajar cara-cara melayang supaya bayang yang dihasilkan kelihatan lebih jelas dan cantik. Teknik mengendalikan patung diajar oleh guru untuk mengelakkan patung tersangkut antara satu sama lain apabila dilayang. Ketika watak beraksi, guru akan mengajar supaya cempurik patung yang tajam tidak akan terkena kaki atau peha dalang. Semasa belajar melayangkan patung, guru akan memberitahu murid bahawa menunjukkan tangan di kelir adalah perkara yang dilarang. Pada peringkat ini, guru tidak akan mengajar murid teknik mempersembahkan cerita. Apa yang diajar hanyalah teknik melayang patung supaya murid mendapat kefahaman yang jelas.

Pada bulan kedua pula, guru akan mengajar teknik pengucapan dan *berbari*. Lazimnya di dalam teknik *berbari*, guru akan mengajar murid *membarikan* kesemua episod di dalam cerita pokok *Cerita Maharaja Wana* (Lihat diskripsi oleh Sweeney, 1972: 89-126). Di dalam *Cerita Maharaja Wana*, terdapat dua puluh sembilan episod yang wajib diketahui oleh pelajar dalang. Episod-episod tersebut ialah:

1. Kisah penaklukan Dati Kauca di Kayangan.
2. Kejadian dan peristiwa yang berlaku di Negara di Udara (Kayangan).
3. Maharisi Burung Jerijit dan anak-anaknya.
4. Kelahiran Seri Rama dan Laksamana, Samardan dan Chadran anak-anak kepada Sirat Mahraja. Episod ini mengisahkan juga zaman remaja mereka.
5. Kelahiran Maharaja Wana (Rawana) dan pengkisahan zaman remajanya.
6. Perkahwinan pertama Maharaja Wana.
7. Kelahiran Sita Dewi.
8. Pertandingan memanah pokok Tar untuk mendapatkan Sita Dewi.
9. Asal-usul Pak Dogol.

10. Kelahiran Hanuman.
11. Sita Dewi diculik.
12. Raja Bali dan isteri-isterinya.
13. Hanuman bertemu bapanya Seri Rama.
14. Anak Kerbau Hamok dan kematian Raja Bali.
15. Penaklukan Seri Rama.
16. Membena jambatan (tambak).
17. Langkapuri terbakar.
18. Peperangan dengan Raja Gajah.
19. Peperangan dengan Raja Rimau.
20. Peperangan dengan Raja Gagak.
21. Peperangan dengan Kapan Putih.
22. Peperangan dengan Gangga Masur.
23. Peperangan dengan Tuan Puteri Mata Api.
24. Peperangan dengan Narajit.
25. Peperangan dengan Maula Tani.
26. Peperangan dengan Raja Lebis.
27. Peperangan dengan Mah Babu Kenung.
28. Peperangan dengan Maharaja Wana dan kematian Maharaja Wana.
29. Membena kerajaan Seri Rama di Langkapuri dan penutup cerita.

Lazimnya proses berbari episod-episod di dalam Cerita Maharaja Wana akan mengambil masa yang panjang. Oleh itu proses penceritaan tersebut hanya akan tamat pada bulan yang ketiga (bulan terakhir). Selepas guru mengajar murid berbari, murid akan membarikan semula episod-episod tersebut di hadapan gurunya. Di peringkat ini guru akan menunjuk ajar kepada muridnya jika berlaku sebarang kesilapan. Dalam latihan pengucapan, guru akan memberi penekanan kepada pengucapan improvisasi dan pengucapan tetap. Di dalam teknik pengucapan ini (ucap tetap dan ucap improvisasi), *Cerita Maharaja Wana* menjadi rujukan utama. Tujuannya ialah supaya murid betul-betul mahir dengan cerita tersebut.

Di dalam teknik pengucapan improvisasi, guru akan menjelaskan kepada murid kerangka yang telah ditetapkan, bagi memudahkan murid untuk melaksanakan pengucapan dan penggerakan patung. Kerangka tersebut ialah:

1. Wujudnya plot yang hampir sama di dalam kebanyakan cerita wayang kulit.
2. Watak-watak yang bersifat stok.
3. Kemunculan babak-babak tetap.
4. Pengucapan dialog yang berakhir dengan soalan atau suruhan.

Bagi pengucapan tetap pula, guru akan menjelaskan kerangka-kerangka yang telah di tetapkan. Di peringkat ini, murid harus memberi tumpuan kepada pembelajaran. Sebabnya, kerangka tetap tersebut akan membantu merendangkan cerita. Kandungan pengucapan tetap tersebut seperti berikut:

1. Pengucapan tetap pembuka cerita.
2. Pengucapan tetap di Balai Penghadapan.
3. Pengucapan watak-watak khas dan gelaran tertentu.
4. Pengucapan tetap untuk aksi-aksi tetap.
5. Pengucapan tetap untuk lagu dan isyarat dalang.
6. Pengucapan tetap untuk menunjukkan aksi dan emosi watak.
7. Pengucapan tetap menunjukkan latar tempat.
8. Pengucapan tetap semasa berlaku pertarungan.
9. Pengucapan tetap penggunaan unsur-unsur kesaktian.
10. Pengucapan tetap untuk upacara ritual.

Pada bulan ketiga pula guru akan menumpukan kepada teknik mempersembahkan cerita. Komponen latihan adalah seperti berikut:

1. Murid dikehendaki mempersembahkan episod Dalang Muda bahagian pertama dan bahagian kedua, setiap kali waktu latihan.
2. Murid dikehendaki menamatkan sekurang-kurangnya sepuluh episod *Cerita Maharaja Wana* dalam masa seminggu. Dalam masa sebulan murid mesti menamatkan keseluruhan cerita tersebut.
3. Cerita-cerita ranting, tanggam dan saduran tidak akan diajar di peringkat ini.

Ketika menjalani latihan persembahan, guru akan menunjuk ajar murid cara melayangkan patung dengan betul, cara menyusun patung, menyimpan patung dan menghormati pantang larang. Bagi teknik pengucapan pula, murid dikehendaki mengetahui watak-watak yang hendak dibawa. Pengucapan mesti disesuaikan dengan sifat dan sikap watak, bentuk- bentuk fizikal watak dan kedudukan (pangkat) watak dalam kelompoknya.

Oleh kerana latihan ini hanya mengambil masa seratus hari, keberkesanan latihan tersebut adalah bergantung kepada bakat, kebolehan dan pengalaman murid. Guru akan menentukan sama ada murid yang telah tamat latihan peringkat asas boleh meneruskan latihan di peringkat selanjutnya. Lazimnya, guru akan menawarkan murid-murid yang telah dianggap berjaya semasa latihan, untuk meneruskan latihan di peringkat kedua. Di peringkat ini, murid berhak sama ada meneruskan latihan ke peringkat selanjutnya atau mencari guru yang lain.

Upacara kenduri akan diadakan sempena tamat latihan peringkat tersebut, sebagai ucapan terima kasih murid kepada gurunya.

Jarak latihan antara peringkat asas dan lanjutan mengambil masa sekurang-kurangnya satu atau dua tahun. Ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar di peringkat asas mendalami ilmu pendalangan di peringkat perantisan. Pelajar digalakkan menggunakan peluang untuk mencari bakal guru-guru yang sesuai, belajar semula secara latih-pandang dan membiasakan diri dengan peralatan mendalang.

### SUKATAN PELAJARAN PERINGKAT LANJUTAN

Proses pengajian peringkat lanjutan juga mengambil masa selama seratus hari. Segala aturan pendalangan yang diajar di peringkat asas masih dikekalkan. Oleh kerana murid yang belajar di peringkat lanjutan telah berjaya memahami teknik-teknik asas pendalangan, guru akan menumpukan kepada latihan persembahan sahaja. Namun teknik *berbari* masih diajar di peringkat ini. Tujuannya untuk menjana minda murid supaya bersifat kreatif.

Di peringkat ini juga murid akan didedahkan kepada cerita-cerita ranting, tanggam dan saduran. Walau bagaimanapun, murid masih dikehendaki mempersembahkan episod Dalang Muda setiap kali sesi latihan. Dalam masa tiga bulan latihan, murid juga dikehendaki mempersembahkan *Cerita Maharaja Wana* sehingga tamat.

Di dalam sesi latihan peringkat lanjutan ini, murid dibebaskan untuk membawakan cerita-cerita rekaan sendiri atau cerita-cerita yang diambil dari dalang-dalang yang lain. Fungsi guru hanya untuk menyelia sahaja. Namun, guru akan memastikan setiap cerita yang dibawakan oleh murid (terutama cerita ranting dan tanggam), mesti bersendikan cerita pokok (*Cerita Maharaja Wana*).

Sekiranya murid memilih untuk mempersembahkan sesuatu cerita, murid tersebut dikehendaki mempersembahkan cerita tersebut sehingga tamat, walaupun terpaksa mengambil masa hingga berminggu-minggu untuk menamatkan cerita. Guru akan menunjuk ajar selepas sesi latihan tamat. Murid tidak digalakkan untuk mengulangi episod atau cerita yang telah dipersembahkan sebelumnya. Tujuannya ialah untuk memberi peluang kepada murid meneroka sebanyak mungkin kaedah mendalang.

Murid-murid yang mengikuti latihan lanjutan ini, lazimnya sudah berada di peringkat *dalang tiru*. Namun sekiranya murid tersebut berkeinginan untuk



mempersembahkan cerita kepada orang ramai, beberapa ketetapan perlu diikuti. Antara ketetapan atau aturan itu ialah:

1. Tidak boleh mengadakan persembahan di khalayak kecuali atas jemputan gurunya atau dalang-dalang yang telah diiktiraf (*dalang asli*).
2. Tidak boleh mengajar murid-murid baru secara formal.
3. Dilarang bermain persembahan Wayang Kulit Berjamu.
4. Tidak boleh melaksanakan upacara-upacara ritual kecuali menggunakan khidmat gurunya atau dalang-dalang yang telah diiktiraf.

Proses latihan lanjutan ini sebenarnya memberi peluang kepada murid untuk belajar dengan seberapa banyak guru. Selepas tamat latihan lanjutan, murid diberi pilihan sama ada ingin meneruskan pengajian lanjutan dengan guru yang lain atau memilih untuk *diperlimaukan*. Namun guru akan mencadangkan kepada murid sama ada murid tersebut layak di *perlimau* atau terpaksa mendalami ilmu pendalangan melalui guru yang lain.

Lazimnya, murid yang telah berguru di peringkat lanjutan, tidak di benarkan berguru dengan guru yang sama, kecuali murid tersebut memilih untuk *diperlimaukan* oleh guru tersebut (sekiranya layak). Sekiranya murid tidak memilih untuk *diperlimaukan*, selepas tamat proses *masuk bangsal*, upacara tamat latihan akan diadakan sebagai menghormati gurunya.

### **PROSES MASUK BANGSAL UNTUK PERLIMAU**

Proses latihan *masuk bangsal* untuk *perlimau* pula, merupakan proses latihan untuk dalang-dalang hampir mencapai peringkat profesional. Lazimnya, kategori dalang yang mengikuti proses latihan ini ialah dalang-dalang yang telah bersedia atau telah layak, untuk diiktiraf sebagai *dalang asli*. Proses latihan ini juga lebih menitikberatkan hubungan antara guru dan murid. Guru dan murid akan melaksanakan tanggung jawab mengikut aturan yang telah ditetapkan di dalam *aturan dalang*. Komponen yang diberi tumpuan di dalam latihan ini ialah:

1. Latihan persembahan *Wayang Kulit Berjamu*. Murid akan diajar teknik mempersembahkan cerita-cerita di dalam persembahan *Wayang Kulit Berjamu*. Guru akan mengajar setiap komponen di dalam aktiviti berjamu, mengikut aturan yang telah ditetapkan. Aktiviti-aktiviti yang bersifat ritual (aktiviti *Berjamu*) tidak akan dilaksanakan semasa latihan. Namun

diperingkat ini murid akan diajarkan kaedah menyelenggarakan aktiviti tersebut, termasuk bacaan mantera. Pengajaran tentang hal-hal ritual ini hanya dikhaskan kepada murid yang akan menjalani proses *perlimau* sahaja. Oleh kerana 'penurunan' ilmu kepada murid bersifat rahsia, maka perlakuan tersebut tidak boleh dihebahkan kepada umum.

2. Minda dan jiwa murid akan dijuruskan kepada proses-proses ritual yang menghubungkan murid tersebut kepada kuasa-kuasa ghaib (Jusoh Morak, 1998). Ini akan melibatkan 'proses penyatuan dan penyebatian', antara alam realiti dan alam ghaib. Sekiranya proses tersebut telah terlaksana, ia akan memudahkan murid mengalami dan 'mengendalikan' proses *lupa (trance)* semasa aktiviti *berjamu* di dalam persembahan tersebut. Antara aktiviti yang harus dilakukan oleh murid ialah, memahami, merasai, mengalami proses tersebut (aktiviti tersebut bersifat rahsia). Oleh itu murid dikehendaki memahami (menghafal) setiap mantera yang diajarkan, supaya setiap perlakuan akan sehati dengan dirinya.
3. Murid juga akan diajar mantera ilmu perbomohan. Oleh itu, untuk memudahkan murid mempelajari ilmu tersebut, minda dan jiwa murid mesti dijuruskan sepenuhnya kepada proses 'penyatuan dan penyebatian' dengan alam ghaib. Guru akan mengajarkan kaedah-kaedah (yang bersifat rahsia) supaya proses ini dapat dilaksanakan.
4. Dalam jangkawaktu proses masuk bangsal untuk tujuan *perlimau*, murid tidak dibenarkan mengadakan atau menyaksikan persembahan wayang kulit. Tujuannya supaya minda dan jiwa tertumpu kepada proses latihan. Murid juga tidak dibenarkan meninggalkan bangsal latihan kecuali pada malam Jumaat atau malam-malam perayaan orang Islam. Proses ini memberi gambaran bahawa murid harus mengalami proses 'pertapaan', bertujuan untuk memantapkan aspek fizikal dan rohani murid.

Setelah tamat latihan, murid tersebut akan melakukan upacara *perlimau*. Upacara tersebut merupakan upacara pengijazahan kepada murid tersebut. Murid akan dikehendaki memainkan persembahan cerita di dalam Wayang Kulit Berjamu. Manakala proses ritual akan dilaksanakan oleh gurunya.

Namun, untuk tahun-tahun ganjil yang berikutnya, sekiranya persembahan tersebut melibatkan beliau, maka murid tersebut akan bertindak sebagai *dalang asli* atau guru yang akan melaksanakan kesemua proses persembahan tersebut.

## RUJUKAN

- Sweeney, P.L.A. ( 1972 ). *The Ramayana and The Malay Shadow Play*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wright, B. ( 1980 ), 'Wayang Siam', Ph.D. Dissertation, Yale University.
- Kijang Puteh. ( 1967 ). " Talib , The Boy Dalang", *The Straits Times Annual*, pp. 62-63.

---

## INFORMAN-INFORMAN DARIPADA TOKOH-TOKOH WAYANG KULIT

Ariffin Ahmad, berusia 70 tahun, berasal dari Kelantan dan berhijrah ke Kuala Lumpur. Meninggal dunia pada tahun 2000. Beliau merupakan anak kepada dalang Amat Ismail. Walaupun beliau pernah belajar mendalang dengan ayahnya, namun beliau tidak begitu berbakat untuk menjadi dalang. Bakat beliau lebih terserlah sebagai *panjak* wayang kulit. Di samping itu juga beliau berbakat sebagai *pembari wayang*.

Che Mat Jusoh, berusia 47 tahun dan berasal dari Jelawat, Kelantan. Pernah berguru dengan dalang Amat Ismail dan Ayub Ismail. Beliau pernah menjadi panjak dengan beberapa kumpulan wayang kulit di Kelantan, sekitar tahun 1970 dan sehingga berpindah ke Kuala Lumpur dan bertugas sebagai Artis Budaya di Kompleks Budaya Negara. Beliau kini bertugas sebagai Artis Budaya di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, mengajar permainan wayang kulit di Universiti tersebut. Sebagai seorang dalang yang berbakat, beliau diklasifikasikan sebagai *dalang yang belum diperlimau*. Beliau mengetuai kumpulan Wayang Kulit, Bahagian Teater dan Drama, Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia.


Dollah Baju Merah, 61 tahun. Sekitar tahun 1960an, beliau pernah mendapat jolokan sebagai *dalang budak* yang paling luar biasa di negeri Kelantan dan menubuhkan kumpulan Wayang Dollah Baju Merah. Beliau masih aktif sehingga kini. Pernah beberapa kali mengadakan persembahan wayang kulit di luar negara.

Hamzah Awang Amat, meninggal tahun 2000 ketika berumur 60 tahun. Berdasarkan kepada sumbangan yang besar mengembangkan persembahan wayang kulit, beliau telah dianugerahkan Anugerah Seniman Negara oleh Kerajaan Malaysia. Berasal dari Kota Bharu, Kelantan. Pernah mengajar wayang kulit di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan di Akademi Seni Kebangsaan, Kuala Lumpur.

Hassan Omar, 59 tahun. Menetap di Kedai Buluh, Kota Bahru, Kelantan. Salah seorang dalang yang popular di sekitar tahun 1970an. Pernah menubuhkan kumpulan Wayang Kulit Hassan Kedai Buluh. Walaupun telah bersara sebagai dalang tetapi masih berminat untuk *membarikan* cerita~cerita wayang kulit.

Jufry Yousof, berusia 40 tahun, berasal dari Jelawat, Kelantan. Cucu kepada dalang Amat Ismail ini, berbakat bermain kebanyakan alat muzik wayang kulit. Bertugas sebagai Artis Budaya di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau turut mengajar mata pelajaran muzik wayang kulit di universiti tersebut. Sebagai ahli panjak kumpulan Wayang Kulit, Bahagian Teater dan Drama, Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia.

Pak Da Omar, 60 tahun. Berasal dari Rantau Panjang, Kelantan. Beliau merupakan salah seorang dalang terkenal, di daerah Rantau Panjang. Seringkali mengadakan persembahan di luar negeri Kelantan.



Gambar Foto: *Mempelajari Pendalangan*